

**PUSAT PENGURUSAN INFOSTRUKTUR & RANGKAIAN  
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN**

Semua Dekan/ Ketua PTj  
Semua Staf Akademik

**PEMBERIAN ELAUN KEPADA STAF AKADEMIK (TETAP)  
BAGI PEMBELIAN KOMPUTER PERIBADI / RIBA**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Pelaburan (JTKP) Kali Ke 23 (3/2020) yang diadakan pada 6 Oktober 2020 telah meluluskan pemberian elaun gantian kepada staf akademik berstatus tetap untuk pembelian komputer peribadi / riba bagi tujuan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P).

**2. KELAYAKAN PEMBERIAN BANTUAN KEWANGAN**

- 2.1 Staf akademik merangkumi Pensyarah Universiti (DS,DG,DU) dan Pengajar Jururawat, Pengajar Fisioterapi dan Pengajar X-Ray (U41 dan ke atas).
- 2.2 Staf akademik yang layak membuat tuntutan adalah mereka yang tidak dibekalkan komputer peribadi / riba oleh universiti atau komputer sedia ada mengalami kerosakan.
- 2.3 Jumlah maksimum elaun gantian komputer peribadi / riba adalah RM 3,000.00 atau harga belian sebenar tertakluk kepada yang mana lebih rendah.
- 2.4 Tuntutan elaun gantian komputer peribadi / riba adalah untuk tempoh setiap lima (5) tahun dari tarikh Baucar Pembayaran.
- 2.5 Sekiranya berlaku kehilangan dalam tempoh lima (5) tahun, staf akademik tidak dibenarkan mengemukakan tuntutan elaun gantian komputer peribadi / riba baharu sehingga berakhirnya tempoh lima (5) tahun tersebut.
- 2.6 Pemberian elaun gantian komputer peribadi / riba ini akan direkodkan dalam Buku Perkhidmatan.
- 2.7 Staf akademik perlu memulangkan kembali komputer peribadi / riba yang diterima daripada Universiti sebelum tuntutan elaun disemak oleh PPIR dan diluluskan oleh Pejabat Bendahari.

- 2.8 Permohonan elaun gantian komputer peribadi / riba hendaklah menggunakan borang yang boleh dimuat turun dari laman web Pusat Pengurusan Infostruktur & Rangkaian: <https://ppir.unisza.edu.my> > Rujukan > Borang.
- 2.9 Staf akademik bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang penyelenggaraan perkakasan dan perisian yang dilakukan terhadap komputer peribadi / riba sepanjang tempoh lima (5) tahun.
- 2.10 Universiti bertanggungjawab menyediakan lesen perisian Sistem Pengoperasian Window, Microsoft Office dan Anti Virus yang tulen. Universiti tidak akan bertanggungjawab dengan sebarang penggunaan lesen yang tidak sah oleh staf akademik.

### 3. BAYARAN BALIK BANTUAN KEWANGAN

- 3.1 Staf akademik mendapat elaun gantian komputer peribadi / riba yang telah meletakkan jawatan dalam tempoh lima (5) tahun dikehendaki membayar balik kepada universiti sebagaimana kiraan berikut :

$$\text{Jumlah tuntutan} = \frac{\text{Jumlah Tuntutan Elaun Gantian} \times \text{Jumlah Bulan Tuntutan}}{\text{Jumlah Bulan Elaun Gantian}}$$

Contoh senario tuntutan bayaran balik:

Seorang staf akademik telah menerima elaun gantian untuk pembelian komputer peribadi / riba pada Januari 2021 berjumlah RM 3,000.00. Walaubagaimanapun, jika staf akademik tersebut berhenti kerja pada Disember 2025, maka jumlah tuntutan bayaran balik subsidi adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} \text{Tempoh Kontrak (5 Tahun)} &= \text{Januari 2021 hingga Disember 2025} \\ &= 60 \text{ Bulan} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Jumlah Tuntutan Bayaran Balik} &= (\text{RM } 3,000.00 / 60 \text{ Bulan}) \times (60 - 12 \text{ Bulan}) \\ &= \text{RM } 50.00 \times 48 \text{ bulan} \\ &= \text{RM } 2,400.00 \end{aligned}$$

### 4. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Februari 2021.